

25 JAN 1998

Isa-barangan

KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA DI SEREMBAN

SEREMBAN, 25 Jan (Bernama)-- Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad menyeru rakyat di negeri ini supaya bersatu padu untuk menyokong kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi menyelesaikan masalah kegawatan ekonomi negara masa kini.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri Sembilan dan Parti Komponen Barisan Nasional (BN) negeri memberi sokongan sepenuhnya kepada mereka dan kabinet mengenai perkara tersebut.

Langkah yang penting, rakyat mematuhi arahan kerajaan dengan membeli barangan buatan Malaysia dan janganlah beranggapan barangan itu mutunya rendah, katanya.

Rakyat perlu mempunyai sikap bertolak ansur terhadap sesuatu perkara jangan tuduh menuduh kerana kegawatan ekonomi, menyalahkan kerajaan sebaliknya kemerosotan ekonomi ini juga melanda negara jiran.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan kempen Belilah Barang Buatan Malaysia anjuran MCA bahagian Negeri Sembilan di perkarangan pasar besar di sini hari ini.

Semasa kegawatan ekonomi ini kurangkan bercakap tentang politik tumpuan padangan rakyat untuk mencari jalan, menyimpan wang di bank-bank bagi meningkatkan semula ekonomi negara.

Beliau menyeru rakyat, jadikanlah membeli barang buatan Malaysia ini satu budaya dengan berkeyakinan sepenuhnya barangan tempatan adalah sama dengan mutu barang-barang yang di import.

Terdahulu dari itu Pengerusi Perhubungan MCA Negeri Datuk Wong See Wah yang juga Timbalan Menteri Kewangan menyeru rakyat supaya suka kepada barangan buatan Malaysia dengan itu dapat mengurangkan pengaliran wang negara keluar negeri.

Katanya, negara mengimport barangan makanan dan sayur-sayuran berharga lebih RM10 juta setahun sedangkan sayuran dan makanan itu boleh ditanam di negeri ini.

Menteri Besar kemudian menerima 10,000 rislah dari MCA untuk dibahagikan kepada orang ramai semasa kempen itu.--BERNAMA.

AS RI